

Waspada bumiputera salah guna saham — PM

KUALA LUMPUR 15 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan kerajaan negeri yang melancarkan skim saham masing-masing supaya berhati-hati dalam memberikan saham kepada individu bumiputera bagi mengelakkan ia disalahgunakan.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu diambil supaya saham yang diberikan kepada individu berkenaan tidak dijual semula atau mereka (bumiputera) sekadar menjadi *sleeping partner* sahaja.

“Pemberian kepada individu bumiputera ini kerap kali tidak begitu sihat kecuali kalau dipilih betul-

betul kerana banyak daripada bumiputera ini tidak mengadakan pelaburan secara betul dan sekadar hanya memberi nama sahaja,” katanya selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia Kali Kelima, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika diminta mengulas mengenai kecenderungan kerajaan negeri melancarkan yaysan saham di negeri masing-masing.

Saham peringkat negeri yang terbaru dilancarkan ialah Amanah Saham Selangor (ASAS) yang dilancar-

kan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim awal bulan ini.

Perdana Menteri seterusnya menegaskan, sikap setengah individu bumiputera yang menjual semula saham mereka ke dalam pasaran telah menyebabkan kuota untuk bumiputera hilang begitu sahaja.

“Kadang kala mereka ini juga hanya menjadi *sleeping partner* dan kita tidak mendapat penyertaan berkualiti daripada golongan bumiputera,” tegasnya.

Beliau berkata kerajaan mengharapkan bumiputera menyertai pasaran saham dengan penuh kualiti.

■ Lihat muka 2

Waspada bumiputera salah guna saham — PM

“Ini berbeza dengan penubuhan yaysan oleh kerajaan negeri yang membeli dan menjual saham dan kebiasaannya bagi individu bumiputera apabila mereka menjual saham tersebut mereka akan membeli (kereta) Mercedes dan ini menyebabkan hak bumiputera hilang begitu sahaja,” katanya.

Perdana Menteri berkata, jika golongan bumiputera tidak menjual saham yang mereka miliki sudah tentu golongan itu kini sudah mencapai kuota pemilikan 30 peratus.

“Apa yang ada pada bumiputera sekarang ia-

lah yang dimiliki oleh badan-badan kerajaan serta institusi seperti yaysan kerajaan negeri.

“Sebab itu saya berpendapat kalau kerajaan negeri berminat untuk menubuhkan yaysan ia memang baik, tetapi mesti diuruskan dengan sempurna,” katanya.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata semua kerajaan negeri berhak menubuhkan yaysan saham tersebut.

“Kita mempunyai badan khas yang mengawasi perjalanan pelaburan oleh kerajaan negeri dan pusat, oleh itu jika didapati perjalanannya tidak

baik kita akan mengambil tindakan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, kecenderungan kerajaan negeri menubuhkan yaysan saham pada masa kini bukanlah satu perkara yang luar biasa kerana ia pernah diwujudkan suatu ketika dahulu tetapi kurang berjaya.

“Sekarang ini nampak keupayaan negeri-negeri menguruskan yaysan tersebut, ini adalah lebih baik dan iklim ekonomi negara juga membolehkan yaysan ini mendapat keuntungan,” katanya.

Perdana Menteri menegaskan, penubuhan yaya-

san ini akan dapat mengatasi masalah syarikat dan perusahaan baru yang sentiasa mencari penyertaan bumiputera berdasarkan kuota 30 peratus untuk memulakan projek baru.

“Ini berlaku kerana individu bumiputera sudah tidak berkemampuan lagi.

“Sebab itu, dengan adanya yaysan ini, ia boleh mengambil apa yang dihadkan dan diperuntukkan untuk bumiputera, dengan ini ia mungkin akan mencapai matlamat 30 peratus,” katanya.